

Guan Eng saman fitnah Muhyiddin

Pengerusi DAP
dakwa bekas
PM sengaja
cari publisiti

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengerusi DAP, Lim Guan Eng mengemukakan saman fitnah terhadap bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berhubung tuduhan mengaitkannya dengan pembatalan pengecualian cukai ke atas Yayasan Al-Bukhary.

Guan Eng, 62, selaku plaintif memfailkan saman fitnah itu menerusi firma guaman Tetuan Guok Partnership di Mahkamah Tinggi di sini semalam dengan menamakan Presiden BERSATU itu sebagai defendan tunggal.

Dalam pernyataan tuntutan-nya, Guan Eng berkata, Muhyiddin ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 9 Mac lalu dan dibebaskan dengan jaminan agensi penguatkuasaan itu pada sebelah petang.

Beliau yang juga bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, mendakwa Muhyiddin mengeluarkan kenyataan fitnah pada hari sama yang diikuti pada 11 dan 12 Mac lalu di dalam Facebook miliknya dan kemudiannya diterbitkan oleh beberapa akhbar dan portal berita.

Menurut Ahli Parlimen Bagan itu, kenyataan fitnah berkenaan sengaja dibuat kerana Muhyi-



ddin mengetahui bahawa semua perhatian media dan akhbar tertumpu kepadanya, oleh itu ia bertujuan mencari publisiti murah dan cuba mengalih perhatian awam.

Guan Eng berkata, kenyataan fitnah itu antaranya bermaksud beliau menyalahgunakan kedudukan dan kuasanya dengan memberi kuasa atau mengarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenakan cukai dan penalti ke atas yayasan kebajikan apabila ia tidak patut dikenakan cukai.

Menurut plaintif, ia juga bermaksud beliau bersifat perkaurman, anti-Melayu dan anti-Islam dengan sengaja menyasarkan Yayasan Al-Bukhary dan dirinya serta sengaja mensabotaj yayasan berkenaan.

Katanya, ia juga bermaksud

beliau seorang yang pendendam dan bertindak dengan niat jahat dengan menyalahgunakan kuasa ketika memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan pada 2018 hingga 2020, serta seorang menteri yang tidak cekap.

Sehubungan itu, Guan Eng menuntut Muhyiddin memohon maaf dan menarik kesemua kenyataan terbabit dan menyiarkan permohonan maaf dalam Facebook dan Twitter miliknya serta dalam beberapa akhbar dan portal berita di negara ini dalam masa tujuh hari dari tarikh penghakiman.

Turut dipohon, ganti rugi am, ganti rugi teruk dan ganti rugi punitif yang akan ditaksirkan dan ditentukan oleh mahkamah serta injunksi menghalang Muhyiddin daripada mengeluarkan atau menerbitkan semula kenyataan fitnah atau apa-apa perkataan fitnah yang serupa.